

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 JULAI 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 38

### Rekod pelaburan cecah RM2.47billion



KON YEOW (tengah) mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri semalam.

Kerjasama strategik NCIA bersama kerajaan negeri

# Rekod pelaburan cecah RM2.47 billion

PETALING JAYA - Kerjasama strategik antara Pihak Berkua-sa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan ekonomi yang kondusif dan ekosistem tenaga kerja telah merekodkan komitmen pelaburan berjumlah RM2.47 bilion.

Perkembangan menggalakkan itu telah mewujudkan 4,308 peluang pekerjaan baharu sehingga bulan Mei lalu.

Di peringkat negeri, Pulau Pinang turut mencatatkan nilai eksport tertinggi sebanyak RM143.5 juta yang menyumbang 30.4 peratus daripada jumlah eksport setakat Januari hingga April 2022, iaitu peningkatan 25 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow berkata, pihaknya mengalukan usaha

NCIA untuk meningkatkan lagi daya tarikan Pulau Pinang kepada pelabur menerusi sektor elektronik dan elektronik serta industri jentera dan peralatan (M&E).

"Dengan menggalakkan inovasi dan mengukuhkan ekosistem industri di NCER, inisiatif seperti NCER Technology and Innovation Centre (NTIC) bakal mengekuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai hab teknologi dan inovasi di rantau ini," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam.

NTIC adalah inisiatif kampus tunggal yang memfokuskan kepada aktiviti berkaitan penyelidikan, reka bentuk, teknologi, inovasi dan pengkomersialan yang bakal dilancarkan suku ketiga tahun ini.

Tambah beliau, hab ini menyediakan perkhidmatan dan kemudahan untuk inovasi produk, hubungan dengan

pakar tempatan dan antarabangsa, pembangunan bakat tempatan, reka bentuk dan perundingan serta sistem pengurusan penyedia penyelesaian sehenti.

Selain itu, Ketua Eksekutif NCIA, Mohamad Haris Kader Sultan menerangkan, aliran pelaburan yang meningkat menunjukkan keyakinan industri terhadap keupayaan Pulau Pinang kembali pulih dengan segera apabila negara telah beralih ke fasa endemik.

Jelasnya, NTEP dan Jom-Kerja@NCER adalah dua program modal insan yang merupakan elemen strategik dalam Pelan Pembangunan Strategik NCER atau SDP 2021-2025.

Sejak penubuhannya pada 2020, JomKerja@NCER telah menarik lebih 4,000 peserta dengan lebih 80 syarikat menyertai program itu di Pulau Pinang.